



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**12 JANUARI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 280 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 243,238 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Tuaran. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 119 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 235,811 orang. Manakala 787 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 444 orang di hospital, 340 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, dua (2) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 36 orang merangkumi 33 di ICU/repurposed kritikal *care* serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 12 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 26 (26.26%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan berubah dari zon kuning ke zon jingga manakala Tongod bertukar dari zon jingga ke zon kuning

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lima (5) daerah.
- Zon Jingga enam (6) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian hari ini bertambah 27 kes lagi kepada 280 kes berbanding 253 semalam.
- b. Beberapa daerah mencatatkan jumlah kes baharu yang lebih tinggi. Antaranya Ranau yang menambah 22 kes baharu kepada 33 kes, Papar tambah 11 kes kepada 20 kes dan Kinabatangan daripada satu (1) kes semalam kepada 26 kes hari ini.
- c. Jumlah kes yang melonjak tinggi di Kinabatangan berpunca daripada Kluster Sungai Trayon yang merekodkan 25 kes positif baharu hari ini. Kluster baharu yang diisytiharkan hari ini melibatkan seorang pekerja ladang kelapa sawit warga asing. Saringan ke atas 382 pekerja dan kontak rapat mendapati 24 orang lagi telah dijangkiti COVID-19.
- d. Tuaran mencatatkan jumlah penurunan kes terbesar sebanyak 18 kes, daripada 29 kes kelmarin kepada 11 kes sahaja pada hari ini. Perubahan turun naik kes harian di daerah-daerah lain berlaku setiap hari pada kadar marginal. Tidak ada kes baharu di empat (4) daerah.
- e. Daripada 280 kes hari ini, 276 kes adalah dalam Kategori 1 dan 2, satu (1) kes dalam Kategori 2, dua (2) kes dalam Kategori 4 dan tidak ada kes baharu dalam Kategori 5. Satu (1) kes lagi masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (125) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

i. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	25	8.93%
2	Bergejala	106	37.86%
3	Kontak	125	44.64%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	24	8.57%
<b>JUMLAH</b>		<b>280</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (11 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 11/01/2022</b>	<b>Catatan Kes 12/01/2022</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Kinabatangan	1	26	+25
2	Ranau	11	33	+22
3	Papar	9	20	+11
4	Putatan	0	7	+7
5	Kota Kinabalu	49	53	+4
6	Kuala Penyu	7	11	+4
7	Keningau	13	15	+2
8	Tambunan	6	8	+2
9	Penampang	18	19	+1
10	Pitas	2	3	+1
11	Kunak	0	1	+1
12	Tenom	12	12	Mendatar
13	Sipitang	6	6	Mendatar
14	Telupid	5	5	Mendatar
15	Tuaran	29	11	-18
16	Sandakan	15	10	-5
17	Kota Belud	13	8	-5
18	Tawau	10	5	-5
19	Nabawan	5	0	-5
20	Tongod	5	1	-4
21	Kota Marudu	19	17	-2
22	Lahad Datu	4	2	-2
23	Kalabakan	2	0	-2
24	Beluran	2	0	-2
25	Beaufort	7	6	-1
26	Kudat	2	1	-1
27	Semporna	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>253</b>	<b>280</b>	<b>+27</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (29 Disember – 11 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	23	26	0	4	53	541
Ranau	0	25	1	0	7	33	232
Kinabatangan	25	0	0	0	1	26	38
Papar	0	10	10	0	0	20	178
Penampang	0	11	7	0	1	19	276
Kota Marudu	0	7	9	0	1	17	120
Keningau	0	7	8		0	15	154
Tenom	0	7	5	0	0	12	85
Tuaran	0	5	6	0	0	11	357
Kuala Penyu	0	10	0	0	1	11	87
Sandakan	0	4	5	0	1	10	76
Kota Belud	0	3	4	0	1	8	252
Tambunan	0	3	2	0	3	8	89
Putatan	0	3	4	0	0	7	88
Beaufort	0	0	5	0	1	6	118
Sipitang	0	1	5	0	0	6	54
Tawau	0	1	3	0	1	5	65
Telupid	0	4	0	0	1	5	27
Pitas	0	1	1	0	1	3	17
Lahad Datu	0	0	2	0	0	2	30
Kudat	0	0	1	0	0	1	30
Tongod	0	0	1	0	0	1	18
Kunak	0	0	1	0	0	1	7
Semporna	0	0	0	0	0	0	8
Beluran	0	0	0	0	0	0	32
Nabawan	0	0	0	0	0	0	28
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	6
<b>JUMLAH</b>	<b>25</b>	<b>125</b>	<b>106</b>	<b>0</b>	<b>24</b>	<b>280</b>	<b>3,013</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kinabatangan	Kluster Sungai Trayon	25
<b>Jumlah</b>		<b>25</b>

6 Terdapat satu (1) kluster baharu direkodkan hari ini.

**Kluster Sungai Trayon - Kinabatangan** melibatkan penularan COVID-19 di salah sebuah ladang kelapa sawit di daerah Kinabatangan. Kes indeks merupakan pekerja lelaki (harvester), warganegara Indonesia, 48, yang dikesan positif COVID-19 melalui ujian saringan RTK-Ag di klinik swasta di Sandakan pada 09 Januari 2022, selepas bergejala pada hari sebelumnya. Kes indeks telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan untuk rawatan selanjutnya. Aktiviti persampelan kontak seterusnya mendapati sebanyak 24 kes dalam kalangan kontak sosial, pekerja dan tanggungan, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 25 kes. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 4,101 unit

- Hospital 1,257 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,657 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 19.19%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 12 JANUARI 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	276
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>280</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Emiriah Arab Bersatu	1
Arab Saudi	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Labuan	1
Sarawak	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	251
Bukan Malaysia	29
<b>Jumlah</b>	<b>280</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	47
Belum Menerima Vaksin	21
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	194
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	17
<b>Jumlah</b>	<b>280</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	17
6 to 11	27
12 to 17	25
18 to 25	39
26 to 59	142
>60	27
<b>Jumlah</b>	<b>280</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 11 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 9,894 orang. Daripada jumlah ini, seramai 9,802 orang adalah penduduk dewasa dan 92 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 11 Januari 2022 adalah seramai 2,451,150 orang. Ini meliputi 2,114,403 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.65% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,406,364 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,094,288 orang atau 75.92% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,747 orang atau 77.59% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,076 atau 71.91% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,931** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,487 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 48 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 13 kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
  - Dua (2) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis.
  - Sembilan (9) Orang : Individu Berada Dalam Premis Melebihi Waktu Yang Ditetapkan.
  - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Sediakan QR Kod Dan Buku Pendaftaran.
  - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 184 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 18 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1086 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak lapan (8) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT di daerah Keningau. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 274 premis perniagaan dan 326 individu di 18 kawasan. Lapan (8) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Excellent Network Services (1 Orang), F & B Sdn. Bhd. (1 Orang), Capcom Station (1 Orang), One to one (1 Orang), Angel Boutique (1 Orang), Louis The Cloth (1 Orang), Classico (1 Orang) di City Mall dan Leathermade, KK (1 Orang) manakala dua (2) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik gagal memastikan pekerja mendaftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera / Buku Pendaftaran di DKI Cafe, City Mall dan kesalahan premis tiada pengimbas suhu di 5 Star Chicken Rice & BBQ, City Mall.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 240 Premis Perniagaan melibatkan 158 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 40 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 156 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.1 %**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	98.4%
2	Beluran	98.3%
3	Kinabatangan	98.3%
4	Tawau	98.2%
5	Semporna	98.2%
6	Beaufort	98.2%
7	Kota Marudu	98.2%
8	Tenom	98.1%
9	Kudat	98.1%
10	Sipitang	98.1%
11	Sandakan	98.1%
12	Penampang	98.1%
13	Kota Belud	98.1%
14	Kota Kinabalu	98%
15	Lahad Datu	98%
16	Ranau	98%
17	Keningau	98%
18	Tuaran	98%
19	Papar	98%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**